



Skuad 7 yang akan ditauliahkan pada Ogos depan bersama pegawai Suksis Usim (barisan depan).

Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Suksis) telah ditubuhkan di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) pada 1 Julai 2006. Pengambilan pelatih Kor Suksis Usim yang pertama seramai 58 orang terdiri daripada lelaki dan wanita, dikenali sebagai Skuad 1. Kumpulan ini sebagai perintis awal pelatih Kor Suksis yang telah melalui proses pelantikan serta sesi latihan bermula September 2006.

Sebagai Universiti Awam (UA) yang pertama dipilih menubuhkan Kor Suksis di Negeri Sembilan, pastinya terdapat beberapa cabaran perlu dilalui tetapi ia bukanlah penghalang untuk memastikan penerapan nilai kepolisan di kalangan peserta terpilih diberikan keutamaan sehingga kini.

Kor Suksis Usim hebat

Terap disiplin kepolisan dan kemahiran insaniah

Selaku kumpulan beruniform penuntut yang membawa imej dan citra Polis Diraja Malaysia (PDRM) di dalam kampus, aspek keterampilan, ketahanan mental dan disiplin yang tinggi amat penting untuk dijadikan contoh kepada penuntut lain. Hasilnya, ia bukan sahaja dapat menarik minat siswa baharu untuk menyertai Kor Suksis Usim sebagai kokurikulum pilihan, malah memberi gambaran positif pada bidang kepolisan.

Kor Suksis terdiri daripada empat Pegawai Kehormat (KS) dari Usim dan sepuluh orang kakitangan PDRM yang ditempatkan sepenuh masa di sini. Menurut Timbalan Komandan Kor Suksis, SUPT/KS Hisham Sabri yang juga pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat Usim, sehingga kini Suksis telah mempunyai sembilan skuad.

"Alhamdulillah, enam skuad telah ditauliahkan sebagai Inspektor sebelum ini dan pada Ogos depan, seramai 56 pelatih terdiri 26 lelaki dan 30 wanita daripada Skuad 7 akan ditauliahkan dalam satu majlis khas di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). Ada antara ahli Kor Suksis yang telah bergraduasi dilantik berkhidmat dengan PDRM.

"Penuntut universiti mendapat banyak manfaat melalui penglibatan dalam Suksis ini antaranya ia mewujudkan semangat patriotik, jati diri dan nilai-nilai murni;

membentuk sahsiah pembangunan mahasiswa dan peningkatan disiplin diri yang tinggi dan mempunyai pengetahuan serta kefahaman mengenai fungsi PDRM dalam menguatkuasakan undang-undang dan menjaga keselamatan negara," katanya.

Sementara itu, Pegawai Kehormat Suksis, ASP/KS Mohd Zaini Othman yang bertanggungjawab sebagai Pegawai Latihan Luar berkata, pelatih Kor Suksis perlu mengikuti latihan selama enam semester pengajian mengikut modul-modul yang ditetapkan antaranya kepimpinan, etika, kursus asas pertolongan cemas, khidmat masyarakat dan perkhemahan tahunan sebelum lulus untuk mengikuti Majlis Tamat Latihan dan Pentauliahkan.

"Modul khidmat masyarakat memberi pengalaman yang baik kepada pelatih untuk

menyantuni pelbagai lapisan masyarakat dengan aktiviti yang mereka laksanakan. Baru-baru ini, para pelatih kita bersama-sama komuniti setempat Taman Semarak 1, Nilai menyertai gotong-royong. Suksis juga terlibat dalam bantuan pasca banjir di Pantai Timur awal tahun ini seperti pembersihan sekolah dan masjid serta agihan bantuan keperluan harian kepada penduduk terjejas

"Selain menumpukan aspek latihan berbentuk kepolisan seperti latihan kawad, latihan menembak, undang-undang dan sebagainya, pelatih juga diberi peranan untuk merancang dan melaksanakan program-program tertentu. Ini memberi pendedahan dalam aspek kemahiran insaniah dan kepimpinan berkumpulan

kepada mereka. Contohnya Skuad 7 menganjurkan Kejohanan Futsal Piala Dato' Komandan Usim pada awal Jun lalu yang mendapat sambutan menggalakkan dari peserta luar.

Kejohanan ini adalah satu bentuk inisiatif untuk melatih menjana kewangan tambahan bagi program khidmat komuniti antarabangsa Kor Suksis Usim di bawah Global Islamic Student Outreach (GISO) ke Kemboja nanti," katanya.

Kor Suksis Usim juga ingin melahirkan setinggi penghargaan kepada mantan Komandan dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Usim, Datuk Dr Mohamed Asin Dollah yang bersara Mei lalu. Beliau telah memberikan komitmen dan dedikasi yang tinggi sepanjang menjadi Komandan Kor Suksis Usim.



HISHAM SABRI



MOHD ZAINI



Latihan menembak turut dijalani pelatih sepanjang mengikuti Kor Suksis Usim.

Universiti awam/swasta dan institusi pengajian tinggi yang mempunyai kelab dan persatuan yang menarik untuk diketengahkan, boleh emel kepada roshlawaty@sinarharian.com.my